

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)76

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB GOOI HSIAO-LEUNG**

76. Nyatakan secara terperinci bagaimana hasil daripada kenaikan tarif air akan digunakan oleh PBAPP untuk meningkatkan perkhidmatan bekalan air dalam negeri Pulau Pinang.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

76. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah membuat pengumuman penguatkuasaan tarif air baharu bermula 1 Februari 2024 dengan melibatkan semua kategori pengguna di negeri Pulau Pinang. PBAPP telah menganggarkan kutipan hasil tambahan setiap tahun khususnya pada tahun 2024 adalah sebanyak RM86 juta dengan pelaksanaan tarif air baharu. Pertambahan hasil keuntungan yang diperolehi ini akan digunakan untuk perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pembangunan fasiliti bekalan air. Antara projek-projek infrastruktur bekalan air segera

yang akan dibangunkan bagi meningkatkan perkhidmatan pembekalan air negeri adalah seperti berikut:

- (i) Pelan Kontingensi Air PBAPP 2030 (WCP 2030) dengan anggaran kos pelaburan sebanyak RM1.18 billion yang akan meneroka tiga (3) sumber air mentah tambahan baru di Seberang Perai (Empangan Mengkuang, Sungai Kerian dan Sungai Perai) serta meningkatkan kapasiti rawatan air di Seberang Perai dan kapasiti pengepaman air terawat ke bahagian pulau melibatkan projek berikut yang akan dilaksanakan secara beperingkat:

Bil	Projek	Jangka siap	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
1.	New Bukit Panchor DAF (Dissolved air flotation) WTP	2023	10	18.6
2.	Package 12A Sungai Dua WTP (additional water treatment module)	2023	114	31
3.	Laying 13 km of 1,800 mm water distribution from Sungai Dua WTP to Butterworth in Seberang Perai	2024		128
4.	Laying of 3.9 km of 1,800 mm water distribution pipelines from Macallum area to PBAPP Bukit Dumbar Reservoir and Pumping Station Complex on Penang island	2024		44

5.	Mengkuang dam WTP	2025	114	120
6.	Sungai Kerian WTP	2027	114	171
7.	Sungai Perai water supply scheme (including pre-treatment of raw water)	2028	136	500
8.	Sungai Muda WTP	2028	114	171
JUMLAH				1,183.6

- (ii) Saluran Paip Sungai Perai 1,350mm baharu yang “melintasi Sungai”;
- (iii) Tambahan saluran paip 400 juta liter sehari (JLH) untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran Empangan Mengkuang yang diperbesarkan kepada 1,000 JLH untuk meminimumkan ancaman kemalangan Sungai Muda pada masa hadapan; dan
- (iv) Projek saluran paip dan penggantian saluran paip untuk mengelakkan gangguan bekalan air tidak berjadual dan mengurangkan kehilangan air tidak berhasil (NRW).

Selain itu, PBAPP juga telah mengambil inisiatif melaksanakan pemberian subsidi air kepada pengguna domestik di Pulau Pinang dengan jumlah sebanyak RM116 juta pada tahun 2023 dan pemberian ini masih diteruskan walaupun terdapat kenaikan pada pelarasan kadar tarif air baharu ini.